

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MAC 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

### Kenaikan kos akan berkurangan

#### Kenaikan kos akan berkurangan

**KUALA LUMPUR** - MIDF Research mengunjurkan tekanan kos ke atas pengeluar Malaysia akan berkurangan terutama didorong oleh harga komoditi global yang rendah dan tekanan isu rantai bekalan global semakin mereda.

Menurut MIDF Research dalam nota penyelidikan pada Selasa, pembukaan semula China, selain bekalan buruh dan bahan yang lebih baik di peringkat global turut memberi sokongan.

Tambahnya, penurunan berterusan dalam inflasi indeks harga pengeluar (IHPR) memberikan isyarat positif terutama untuk trajektori indeks harga pengguna (CPI) dalam tempoh terdekat.

"Bagaimanapun, kadar faedah yang lebih tinggi dalam ekonomi utama, kenaikan harga tenaga, mata wang yang tidak menentu dan ketegangan geopolitik berterusan akan mencetuskan risiko penurunan kepada inflasi global termasuk tekanan pertumbuhan harga Malaysia pada 2023," kata MIDF Research.

Inflasi input Malaysia menguncup buat kali pertama dalam dua tahun, menyusut 0.8 peratus tahun ke tahun pada Februari.

Pada asas bulan ke bulan, inflasi input turun 0.2 peratus, menandakan pertumbuhan negatif bulan ketiga berturut-turut.

MIDF Research berkata, tekanan harga yang berkurangan terhadap pengeluar disebabkan terutamanya oleh penguncupan berterusan kos bahan mentah dan penyederhanaan dalam kos bahan perantaraan.

Inflasi bahan mentah kekal menguncup sejak Ogos 2022, manakala pertumbuhan kos bahan perantaraan menyederhana kepada paras terendah hampir dua tahun pada 3.3 peratus tahun ke tahun pada Februari 2023.

"Kami percaya penguncupan berterusan inflasi bahan mentah adalah disebabkan oleh harga tenaga global yang lebih rendah, manakala peningkatan inflasi kos bahan perantaraan sebahagiannya disebabkan oleh tekanan rantai bekalan global semakin berkurangan dan paras dolar AS/ringgit yang lebih baik," kata MIDF Research. - Bernama